- 15.6 Anda boleh memberitahu Bank pada bila-bila masa sekiranya anda memilih untuk tidak menerima sebarang komunikasi berhubung dengan pemasaran dari Bank, Kumpulan AmBank dan/atau peniaga dan rakan niaga strategik mereka, dengan menghubungi Bank di pelbagai saluran berikut:
- Pegawai Khidmat Pelanggan  
Telefon: 1300 80 8888 (Domestik) atau (603) 2178 8888 (Luar negara) [24 jam]  
E-mel: [customercare@ambankgroup.com](mailto:customercare@ambankgroup.com)  
Pos: Privacy, AmBank Contact Centre, P.O. Box No. 12617, 50784 Kuala Lumpur
- 15.7 Arahan bertulis yang terkini daripada anda akan terpakai. Anda mengakui bahawa sesetengah komunikasi seperti penyata Akaun kepada anda dan laman sesawang Kumpulan AmBank mungkin mengandungi maklumat biasa mengenai produk dan perkhidmatan lain Bank dan Kumpulan AmBank yang tidak boleh dikeluarkan tanpa menjejaskan bahagian penghantaran/operasi Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian AmBank dan / atau tanpa sebarang kos tambahan kepada anda.
- 15.8 Walaupun anda telah memberikan maklumat kepada Bank, anda mempunyai pilihan untuk menarik balik kebenaran yang diberikan dahulu. Dalam keadaan sedemikian, Bank berhak untuk tidak memberikan atau menghentikan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian AmBank yang dipautkan dengan maklumat tersebut.
- 15.9 Bank berhak untuk meminda Seksyen ini dari semasa ke semasa atas budi bicara mutlak Bank dengan memberi anda notis 21 hari kalendar terlebih dahulu.
- 15.10 Seksyen ini adalah tanpa prejudis kepada Seksyen 14 di dalam Terma dan Syarat Am ini bagi Pendedahan Maklumat

## 16. YURAN DAN CAJ

**Anda mengakui bahawa Bank berhak untuk memberi levi atau mengenakan caj perkhidmatan atau yuran transaksi dan/atau mengubah yuran tersebut dari semasa ke semasa berhubung Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian AmBank yang disediakan kepada anda, tertakluk kepada pemberian notis 21 hari kalendar oleh Bank terlebih dahulu.**

**Tertakluk kepada pemberian notis terlebih dahulu, anda dengan ini membenarkan Bank untuk mendebitkan akaun anda untuk yuran, komisen dan caj tersebut.**

## TERMA & SYARAT AM

### Perbankan Dalam Talian AmBank (Untuk Pelanggan Perbankan Runcit Sahaja)

Anda bertanggungjawab bagi sebarang caj telefon atau mana-mana caj yang dikenakan oleh Pembekal Perkhidmatan Internet anda disebabkan anda menggunakan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian AmBank.

Melainkan diperuntukkan sebaliknya di dalam Perjanjian ini, pihak-pihak bersetuju bahawa Fi dan apa-apa wang lain yang kena dibayar di bawah Perjanjian ini kecuali cukai dan cukai tersebut akan ditanggung oleh anda.

#### 17. HAD PADA TRANSAKSI DAN MAKLUMAT AKAUN

Bank berhak menetapkan had pada transaksi yang anda jalankan melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian AmBank. Had yang ditetapkan oleh Bank mungkin berubah dari semasa ke semasa dan Bank akan memaklumkan anda mengenai perubahan tersebut sewajarnya. Walau apa pun had yang ditetapkan oleh Bank, anda boleh memilih untuk menetapkan had yang lebih rendah bagi transaksi yang dijalankan pada Akaun anda melalui Perkhidmatan ini, dan dalam hal ini had lebih rendah yang anda tetapkan akan diguna pakai.

Anda bersetuju untuk mematuhi had yang ditetapkan oleh Bank atau oleh anda sendiri bagi semua transaksi.

Meskipun Bank mengambil langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa sebarang maklumat berkaitan Akaun anda yang diperoleh melalui Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank ini adalah terkini, anda mengakui dan bersetuju bahawa maklumat tersebut mungkin tidak terkini kerana mungkin terdapat Arahan, transaksi dan/atau caj yang dikenakan yang belum lagi diproses oleh Kumpulan AmBank atau sedang diproses.

#### 18. RALAT DAN SOALAN

18.1 Sekiranya terdapat sebarang ralat dan persoalan mengenai Akaun, transaksi, bayaran atau bayaran elektronik anda, anda boleh menghubungi Bank untuk membuat aduan dengan menggunakan maklumat hubungan yang diberikan di bawah. Pihak-pihak bersetuju untuk cuba menyelesaikan perkara ini secara baik.

#### 19. PENAMATAN ATAU PENGGANTUNGAN PERKHIDMATAN

19.1 Akses dan penggunaan Laman Sesawang dan/atau Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian AmBank yang dilakukan oleh anda mungkin ditamatkan atau digantung sama ada sebahagian atau keseluruhannya oleh Bank pada bila-bila masa tertakluk kepada pemberian notis kepada anda sebaik sahaja yang wajar.

19.2 Sekiranya anda gagal mengekalkan mana-mana Akaun dengan Bank atau atas apaapa sebab lain yang dianggap wajar oleh Bank, maka Bank berhak menggantung atau menamatkan hak untuk anda mengakses Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian AmBank.

## TERMA & SYARAT AM

### Perbankan Dalam Talian AmBank (Untuk Pelanggan Perbankan Runcit Sahaja)

19.3 Anda boleh menamatkan penggunaan dan akses anda kepada Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian AmBank dengan memberikan notis bertulis 14 hari terlebih dahulu. Dengan berbuat demikian, anda bersetuju untuk tidak menggunakan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian AmBank selepas itu, dan anda juga bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab untuk menjalankan apa-apa Arahan yang diterima pada mana-mana hari selepas penerimaan notis penamatan anda.

#### 20. LIABILITI

**20.1 Anda akan bertanggungjawab dan menanggung liabiliti bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Bank sekiranya anda melanggar mana-mana Terma dan Syarat dalam Perjanjian ini.**

20.2 Meskipun Bank mengambil langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa sebarang maklumat berkenaan Akaun anda yang diperolehi melalui Perkhidmatan ini terkini, Bank tidak memberi sebarang jaminan atau waranti bahawa maklumat yang boleh didapati pada atau mengenai Akaun anda melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian AmBank adalah tepat atau terkini.

20.3 Anda akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pembelian, pemasangan, penyenggaraan dan pengendalian Peranti Akses.

20.4 Dalam apa jua keadaan dan di bawah mana-mana teori perundangan, tort, kontrak, atau sebaliknya, Bank atau Kumpulan AmBank tidak akan bertanggungjawab terhadap anda atau sesiapa juga bagi sebarang kerugian langsung atau tidak langsung, khusus, sampingan atau berbangkit daripada sebarang bentuk, termasuk dan tanpa sebarang had, kerugian atas kehilangan nama baik, kehilangan penggunaan, keuntungan, pemberhentian kerja, kegagalan atau kepincangan tugas komputer, atau apa-apa dan semua kerosakan atau kerugian komersial yang timbul daripada mengakses dan/atau menggunakan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian AmBank sekiranya salah satu daripada keadaan berikut berlaku:

- apabila Kumpulan AmBank mempunyai sebab untuk meragui kesahihan Arahan. Dalam keadaan tersebut, Kumpulan AmBank tidak berkewajipan untuk memberikan sebab bagi melaksanakan kebijaksanaannya untuk tidak bertindak mengikut Arahan;
- apabila Kumpulan AmBank diwajibkan oleh undang-undang untuk melarang pengeluaran dari Akaun anda;
- apabila Akaun anda dibekukan atau ditutup;
- apabila anda tidak dapat mengakses atau menggunakan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian AmBank atau mana-mana laman sesawang hiperpautan;

## TERMA & SYARAT AM

### Perbankan Dalam Talian AmBank (Untuk Pelanggan Perbankan Runcit Sahaja)

- penggunaan atau kebergantungan kepada Kandungan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian AmBank (dan/atau mana-mana laman sesawang hiperpautan);
- apabila anda gagal memberikan maklumat atau Arahan yang diperlukan dan/atau tepat bagi pelaksanaan atau penyempurnaan transaksi;
- apabila terdapat kegagalan sistem, pelayan atau sambungan, ralat, ketinggalan, gangguan, kelewatan operasi atau penghantaran, atau virus komputer, kod jahat, "trojan horse" atau kerosakan atau kelewatan pelaksanaan atau ketaklaksanaan sebarang obligasi Bank disebabkan apa-apa sebab di luar kawalan KumpulanAmBank termasuk tetapi tidak terhad kepada masalah teknikal, mogok atau tindakan industri lain atau kegagalan komunikasi atau kuasa;
- apabila anda gagal mengekalkan dana yang mencukupi dalam Akaun anda untuk menjalankan sebarang Arahan yang anda berikan;
- apabila terdapat ketidakupayaan dalam menjalankan sebarang transaksi disebabkan had yang ditetapkan oleh Kumpulan AmBank atau oleh anda sendiri;
- apabila anda gagal mematuhi arahan, prosedur dan garis panduan semasa apabila menggunakan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian AmBank;
- apabila berlaku sebarang kerugian atau kerosakan disebabkan oleh pihak ketiga atau apa-apa keadaan yang di luar kawalan munasabah Kumpulan AmBank;
- apabila terdapat ralat, perubahan atau pembatalan mana-mana Arahan, data atau maklumat yang dihantar melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian AmBank;
- apabila anda menghadapi sebarang virus atau cecacing elektronik;
- apabila terdapat kegagalan atau kelewatan disebabkan oleh perisian pelayar atau oleh mana-mana Pembekal Perkhidmatan Internet atau mana-mana pembekal perisian lain; dan
- apabila terdapat sebarang keadaan lain yang di luar kawalan munasabah Kumpulan AmBank.

20.5 Remedi tunggal anda, kewangan atau sebaliknya, bagi sebarang kerosakan atau tuntutan akibat sebarang kecacatan dengan penggunaan Perkhidmatan adalah terhad

## TERMA & SYARAT AM

### Perbankan Dalam Talian AmBank (Untuk Pelanggan Perbankan Runcit Sahaja)

kepada Kumpulan AmBank memproses semula data atau transaksi yang terjejas tanpa mengenakan kos kepada anda.

#### 21. HAK UNTUK MENOLAK SELESAI

- 21.1 Bank boleh pada bila-bila masa, dengan memberi notis kepada anda, sebaik sahaja munasabah dan dengan cara yang dianggap wajar oleh Bank, menolak dari Akaun anda atau mana-mana akaun lain yang dipegang oleh anda dengan Kumpulan AmBank, untuk membayar sebarang amaun yang telah dikenakan terhadap anda sebagai liabiliti kepada Bank, sama ada disebabkan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini atau susulan mana-mana transaksi yang dijalankan dengan Bank atau oleh operasi undang-undang.
- 21.2 Bank tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kerosakan, kerugian atau perbelanjaan yang anda alami akibat pelaksanaan hak Bank di bawah ini dan anda bersetuju untuk melepaskan Bank daripada sebarang tuntutan berikutan tindakan Bank dalam melaksanakannya haknya untuk menolak selesai.
- 21.3 Hak Bank di bawah ini tidak akan terjejas oleh kematian anda, kebangkrapan, ketidakmampuan membayar atau jika proses perundangan dikenakan terhadap anda.

#### 22. PENGGUNAAN ANTARABANGSA

- 22.1 Penggunaan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian AmBank di luar Malaysia tertakluk kepada Peraturan Kawalan Pertukaran Mata Wang Bank Negara Malaysia atau mana-mana keperluan kawalan fiskal atau pertukaran mata wang yang beroperasi di negara tempat transaksi dijalankan atau dipohon; dan undang-undang dan peraturan Malaysia dan negara tempat transaksi dijalankan atau dipohon.
- 22.2 Amaun maksimum sesuatu transaksi dan tujuan ia dijalankan mungkin ditentukan oleh Bank Negara Malaysia dan undang-undang serta peraturan negara tempat transaksi dijalankan atau dipohon.
- 22.3 **Anda bersetuju bahawa anda menggunakan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian AmBank berdasarkan inisiatif anda sendiri dan bertanggungjawab bagi pematuhan dengan semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan.**

#### 23. PENYERAHHAKAN, PENGGABUNGAN DAN/ATAU PEMEROLEHAN

- 23.1 Anda bersetuju bahawa Bank berhak untuk menyerahkan hak dan obligasi di bawah Perjanjian ini kepada mana-mana ahli Kumpulan AmBank.
- 23.2 Anda mengakui dan menyetujui bahawa obligasi yang diwujudkan oleh perjanjian ini akan terus sah dan mengikat bagi semua maksud dan tujuan tidak kira apa pun

## TERMA & SYARAT AM

### Perbankan Dalam Talian AmBank (Untuk Pelanggan Perbankan Runcit Sahaja)

penggabungan, pemerolehan, pembinaan semula, penyatuan atau sebaliknya yang mungkin dibuat di Bank sama ada menyebabkan perubahan nama dalam entiti yang baharu atau tidak.

#### **24. NOTIS HAK CIPTA DAN TANDA PERNIAGAAN**

- 24.1 Semua hak pemilikan, hak cipta, tanda perniagaan dan hak harta intelektual lain yang terikat pada, terkandung atau terletak pada Perkhidmatan ini dan semua Kandungan, data, maklumat, butiran, bahan, penulisan, manual atau grafik yang terkandung dalam Perkhidmatan ini adalah milik Bank dan Kumpulan AmBank melainkan dinyatakan sebaliknya. Bank melarang keras sebarang penggunaan mana-mana hak yang disebut di atas dalam apa jua cara tanpa kebenaran bertulis jelas daripada Bank terlebih dahulu.
- 24.2 Menyalin, mengatur semula, mengimbas automatik, memuat turun, mengeksploitasi Kandungan yang ada pada Perkhidmatan ini secara komersial adalah dilarang, kecuali apabila ia dibenarkan secara jelas oleh Bank.
- 24.3 Semua hak harta intelektual, reka bentuk dan kandungan Perkhidmatan ini adalah hak milik Bank melainkan hak harta intelektual vendor atau Sekutu yang telah mengizinkan penggunaan dan pengeluaran semula Kandungan pada Perkhidmatan ini oleh Bank.

#### **25. PENOLAKAN**

- 25.1 Meskipun Bank berusaha untuk memastikan ketepatan dan kesahihan semua maklumat berkaitan transaksi dan produk serta perkhidmatan Bank, sila ambil perhatian bahawa Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian AmBank disediakan “seperti seadanya” dan “seperti tersedia”, tanpa sebarang waranti daripada apa-apa jenis, sama ada tersurat, tersirat atau statutori. Bank secara khususnya menafikan sebarang waranti kebolehdagangan atau keutuhan bagi tujuan tertentu, waranti hak milik, ketaklanggaran hak harta intelektual atau hak pihak ketiga. Anda dinasihati agar menilai dan memastikan bahawa kualiti produk dan/atau perkhidmatan yang diakses atau dibeli melalui penggunaan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian AmBank memenuhi jangkaan anda. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang virus atau cecacing elektronik yang anda mungkin hadapi daripada Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian AmBank.
- 25.2 Setakat maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak menjamin bahawa Perkhidmatan ini akan menyediakan perkhidmatan tanpa gangguan atau bebas ralat atau bahawa sebarang kecacatan yang dikenal pasti akan dibetulkan dan bahawa maklumat di Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian AmBank adalah tepat, lengkap, tepat pada masanya atau boleh dipercayai. Bank secara jelas menafikan liabiliti bagi sebarang kelewatan, ralat atau ketinggalan dalam penghantaran Kandungan.

## TERMA & SYARAT AM

### Perbankan Dalam Talian AmBank (Untuk Pelanggan Perbankan Runcit Sahaja)

- 25.3 Anda bersetuju bahawa Bank bergantung pada Sekutunya untuk mendapatkan maklumat mengenai Sekutu dan produk, perkhidmatan dan tawaran mereka, dan bahawa Bank secara jelas menafikan semua tanggungjawab dan liabiliti berhubung maklumat, produk, perkhidmatan atau tawaran sedemikian yang terkandung dalam Perkhidmatan ini.
- 25.4 Anda bertanggungjawab mengesahkan maklumat dan mendapatkan nasihat profesional yang bebas sebelum bertindak dan bergantung pada maklumat dalam perkhidmatan ini sebagai asas bagi keputusan anda.**
- 25.5 Bank tidak akan bertanggungjawab atas kecederaan peribadi, kematian atau kerosakan kepada harta ketara dan tidak ketara terhadap mana-mana individu, yang timbul akibat daripada atau disebabkan oleh penggunaan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian AmBank.

## 26. INDEMNITI

- 26.1 Anda dengan ini bersetuju untuk membayar ganti rugi dan membayar ganti rugi sepenuhnya kepada Bank dan Kumpulan AmBank, kakitangan, ejen dan penjenama bersamanya daripada sebarang tindakan, tuntutan, permintaan, perbelanjaan (termasuk yuran perundangan mengikut asas ganti rugi penuh) yang dialami atau dikenakan oleh Bank dan Kumpulan AmBank disebabkan akses dan/atau penggunaan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian AmBank kecuali dan melainkan kerugian dan ganti rugi yang disebabkan secara langsung oleh kecuaiannya melampau atau salah laku sengaja Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada:-
- penggunaan atau penyalahgunaan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian AmBank atau Kandungan pada Perkhidmatan ini dan mana-mana laman sesawang yang dipaut dan perkhidmatan yang disediakan di situ;
  - pelanggaran atau ketidakpatuhan anda kepada Terma dan Syarat dalam dokumen ini; dan
  - pencabulan hak mana-mana pihak ketiga berhubung akses atau penggunaan anda kepada Perkhidmatan ini.

## 27. PAUTAN KE LAMAN WEB PIHAK KETIGA

- 27.1 Perkhidmatan ini mengandungi pautan ke laman sesawang lain dan Bank menolak tanggungjawab bagi amalan privasi atau kandungan laman sesawang yang dipautkan ini. Sebelum anda menggunakan pautan pada Perkhidmatan ini, sila maklum bahawa dasar privasi kami tidak lagi diguna pakai dan Bank menasihatkan anda agar membaca dasar privasi laman sesawang yang dipautkan ini.

## TERMA & SYARAT AM

### Perbankan Dalam Talian AmBank (Untuk Pelanggan Perbankan Runcit Sahaja)

#### 28. PROMOSI DAN TAWARAN

##### PROMOSI DAN TAWARAN DARIPADA SEKUTU

- 28.1 Maklumat yang diberikan dalam Perkhidmatan ini mengandungi tawaran dan promosi eksklusif yang ditawarkan oleh Sekutu. Apa-apa hubungan atau urusan perniagaan dengan atau penyertaan dalam promosi atau sebarang bayaran dan penghantaran barangan atau perkhidmatan, dan terma, syarat, representasi berkaitan tawaran dan promosi sedemikian hanyalah antara anda dan Sekutu. Bank tidak akan bertanggungjawab atau berkewajipan bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami disebabkan mana-mana hubungan sedemikian antara anda dan Sekutu.
- 28.2 Berhubung Kandungan yang ditawarkan oleh Sekutu, Bank tidak dan tidak akan:
- menanggung apa-apa pun tanggungjawab bagi ketepatan atau kewajaran maklumat yang terkandung di dalamnya;
  - mengesahkan maklumat tersebut atau membuat sebarang representasi, waranti atau jaminan berhubung maklumat tersebut;
  - mempunyai kawalan ke atas kandungannya;
  - mengendors secara tersirat ketersediaan barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh Sekutu;
  - menjamin dan/atau mengendors kandungan; dan
  - bertanggungjawab ke atas sebarang jenis ganti rugi disebabkan penggunaan atau pergantungan pada kandungan dalam iklan, termasuk tetapi tidak terhad kepada ganti rugi langsung, tidak langsung, sampingan, punitif, dan berbangkit.
- 28.3 Bank menasihatkan anda agar menghubungi Sekutu sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan berhubung Kandungan yang mereka sediakan.

#### 29. PENGUBAHSUAIAN TERMA & SYARAT

- 29.1 Bank berhak untuk meminda Terma dan Syarat yang terkandung di sini mengikut budi bicara mutlaknya dengan memberi notis 21 hari kalendar terlebih dahulu.
- 29.2 Akses atau penggunaan berterusan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian AmBank oleh anda selepas sebarang pindaan berkuatkuasa menandakan penerimaan anda terhadap pindaan tersebut.



## TERMA & SYARAT AM

### Perbankan Dalam Talian AmBank (Untuk Pelanggan Perbankan Runcit Sahaja)

#### 30. DASAR ANTI SPAM

- 30.1** Bank tidak akan membenarkan spammer untuk beroperasi di pelayannya. Apabila menggunakan Kandungan pada Perkhidmatan ini, anda bersetuju untuk tidak menghantar e-mel tidak diminta secara pukal dengan mesej komersial kepada pengguna lain Perkhidmatan ini atau kepada umum; dan tidak mengganggu, mengacau, mengugut atau menganiaya pengguna lain; ataupun menyiarkan atau mengedarkan apa-apa maklumat atau bahan yang lucah, terkutuk serta bersifat perkauman.
- 30.2** Anda akan mempunyai pilihan untuk menerima e-mel daripada Bank yang mana mesejnya mungkin tidak berkaitan tujuan perkhidmatan yang ditawarkan dalam Perkhidmatan ini. Jika anda memilih untuk tidak menerima e-mel sedemikian, sila maklumkan kepada Bank dengan menggunakan maklumat hubungan yang diberikan di bawah.

#### 31. NOTIS

- 31.1** Anda bersetuju bahawa semua notis dan komunikasi lain yang diperlukan di bawah Terma dan Syarat ini atau yang berkenaan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian AmBank akan dianggap telah dihantar:
- Apabila diserahkan, jika dihantar secara peribadi;
  - Pada hari ketiga, jika dihantar melalui pos biasa;
  - Pada hari berikutnya selepas pengesahan penghantaran yang berjaya, jika dihantar melalui faks;
  - Pada hari berikutnya selepas dihantar, jika dihantar melalui kurier;
  - Dua puluh empat (24) jam selepas penghantaran, jika dihantar melalui mel elektronik ke alamat e-mel yang terakhir diketahui dalam rekod Bank;
  - Dua puluh empat (24) jam selepas penghantaran, jika dihantar melalui mesej selamat;
  - Apabila notis dipamerkan di premis Bank;
  - Pada tarikh siaran iklan, diterbitkan dalam mana-mana akhbar nasional;
  - Dua (2) hari selepas tarikh penyiaran notis yang terkandung dalam penyata akaun Bank;
  - Apabila mesej atau notis disiarkan di Laman Sesawang ini;

- Apabila dimaklumkan kepada anda dalam apa jua cara yang dianggap wajar oleh Bank.
- 31.2 Semua notis daripada anda kepada Bank berhubung Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian AmBank dan/atau Terma dan Syarat ini hendaklah dalam bentuk bertulis, ditandatangani oleh anda dan dihantar kepada Bank di alamat yang diberikan di bawah atau dalam apa-apa jua cara lain atau ke alamat lain seperti yang dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 31.3 Semua rujukan kepada tarikh dan masa akan dianggap sebagai rujukan kepada tarikh dan masa di Malaysia.

**TERMA & SYARAT AM**  
**Perbankan Dalam Talian AmBank (Untuk Pelanggan Perbankan Runcit Sahaja)**

**32. UNDANG-UNDANG DAN BIDANG KUASA YANG MENTADBIR**

- 32.1 Perjanjian ini hendaklah ditadbir oleh dan diertikan berdasarkan undang-undang Malaysia.
- 32.2 Dengan mengakses dan/atau menggunakan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian AmBank, anda dengan ini mengizinkan untuk menyerahkan bidang kuasa eksklusif mahkamah di Malaysia.

**SILA HUBUNGI KAMI:**

Pusat Perkhidmatan Pelanggan

No. Telefon 603-2178 8888

Alamat Surat Menyurat P.O. Box No. 12617 50784 Kuala Lumpur.

E-mel [customercare@ambankgroup.com](mailto:customercare@ambankgroup.com)

AmBank (M) Berhad (8515-D)/AmBank Islamic Berhad (295576-U)

Hakcipta Terpelihara © 2015

Kemas Kini Terakhir: 19 Jun 2015

---

**Terma dan Syarat  
Am untuk Perbankan  
Mudah Alih AmBank  
(Untuk Pelanggan  
Perbankan Runcit Sahaja)**

**Efektif dari 19 Jun 2015**

# TERMA & SYARAT AM

## Perbankan Mudah Alih AmBank (Untuk Pelanggan Perbankan Runcit Sahaja)

### **PERBANKAN MUDAH ALIH AMBANK (UNTUK PELANGGAN PERBANKAN RUNCIT SAHAJA)**

TERMA DAN SYARAT INI DIKENAKAN BAGI AKSES DAN PENGGUNAAN PERKHIDMATAN PERBANKAN MUDAH ALIH AMBANK YANG DISEDIAKAN OLEH AMBANK (M) BERHAD (8515-D).

TERMA DAN SYARAT INI ADALAH TAMBAHAN KEPADA DAN MESTI DIBACA BERSAMA DENGAN TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN PERBANKAN DALAM TALIAN AMBANK.

SILA BACA TERMA DAN SYARAT INI DENGAN TELITI. DENGAN MENGAKSES DAN/ATAU MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN PERBANKAN MUDAH ALIH AMBANK ANDA DIANGGAP TELAH MEMBACA DAN BERSETUJU UNTUK TERIKAT DENGAN TERMA DAN SYARAT BERIKUT DAN SEBARANG PINDAAN KEPADANYA YANG DIBUAT DARI SEMASA KE SEMASA.

SEKIRANYA ANDA ENGGAN MENERIMA TERMA DAN SYARAT INI, SILA HENTIKAN AKSES DAN/ATAU PENGGUNAAN PERKHIDMATAN DAN APLIKASI PERBANKAN MUDAH ALIH AMBANK.

### **PENOLAKAN - TIADA WARANTI**

Meskipun Bank berusaha untuk memastikan ketepatan dan kesahihan semua maklumat berkaitan transaksi dan produk serta perkhidmatan Bank, sila ambil perhatian bahawa Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank disediakan “seperti seadanya” dan “seperti tersedia”, tanpa sebarang waranti daripada apa-apa jenis, sama ada tersurat, tersirat atau statutori. Bank secara khususnya menafikan sebarang waranti kebolehdagangan atau keutuhan bagi tujuan tertentu, waranti hak milik, ketaklanggaran hak harta intelektual atau hak pihak ketiga. Anda dinasihati agar menilai dan memastikan bahawa kualiti produk dan/atau perkhidmatan yang diakses atau dibeli melalui Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank memenuhi jangkaan anda. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang virus, cecacing, perisian perisik atau perisian jahat yang mungkin disebarkan melalui Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank.

Setakat maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak menjamin bahawa Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank akan menyediakan perkhidmatan tanpa gangguan atau bebas ralat atau bahawa sebarang kecacatan yang dikenal pasti akan dibetulkan dan bahawa maklumat di Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank adalah tepat, lengkap, tepat pada masanya atau boleh dipercayai. Bank secara jelas menafikan liabiliti atas sebarang kelewatan, ralat atau ketinggalan dalam penghantaran Kandungan (seperti yang ditakrif di sini kemudian).

### **HAD LIABILITI**

Dalam apa jua keadaan dan di bawah teori perundangan, tort, kontrak, atau sebaliknya, Bank atau Kumpulan AmBank tidak akan bertanggungjawab terhadap anda atau sesiapa juga bagi sebarang kerugian langsung atau tidak langsung, punitif, khusus, sampingan atau berbangkit daripada sebarang bentuk, termasuk dan tanpa sebarang had, kehilangan nama baik, kehilangan penggunaan, kehilangan data, keuntungan, pemberhentian kerja, kegagalan atau kepincangan fungsi komputer, atau apa-apa dan semua kerosakan atau kehilangan komersial yang timbul daripada mengakses dan/atau

# TERMA & SYARAT AM

## Perbankan Mudah Alih AmBank (Untuk Pelanggan Perbankan Runcit Sahaja)

menggunakan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank. Remedi tunggal anda, kewangan atau sebaliknya, bagi sebarang kerosakan atau tuntutan akibat sebarang kecacatan dengan penggunaan

Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank adalah terhad kepada AmBank memproses semula data atau transaksi yang terjejas tanpa mengenakan sebarang kos kepada anda.

### 1. AM

Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan mana-mana terma dan syarat tambahan yang mentadbir sebarang produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh Bank. Sekiranya berlaku konflik, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai. Apabila anda mendaftar dengan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank, anda akan didaftarkan secara automatik bagi Perkhidmatan Pusat Hubungan AmBank.

Anda akan terikat dengan terma dan syarat Perkhidmatan Pusat Hubungan yang dikemukakan semula di akhir Terma dan Syarat ini.

KANDUNGAN TERMA DAN SYARAT INI TERTAKLUK KEPADA PERUBAHAN MENGIKUT BUDI BICARA TUNGGAL DAN HAK MUTLAK BANK.

TIADA APA PUN DALAM TERMA DAN SYARAT INI HARUS DIANGGAP SEBAGAI TAWARAN ATAU USAHA UNTUK MENJUAL ATAU MEMBELI SEKURITI ATAU INSTRUMEN KEWANGAN LAIN, ATAU SEBAGAI NASIHAT ATAU SARANAN BERHUBUNG SEKURITI ATAU INSTRUMEN KEWANGAN LAIN TERSEBUT. PERKHIDMATAN PERBANKAN MUDAH ALIH AMBANK INI AKAN DISEDIKAN SECARA EKSKLUSIF KEPADA PEMEGANG AKAUN BANK YANG BERUSIA 18 TAHUN KE ATAS.

### 2. DEFINISI

2.1 Definisi dalam PERKHIDMATAN DALAM TALIAN AmBank akan terus diguna pakai kepada PERBANKAN MUDAH ALIH AmBank, melainkan ditakrif sebaliknya. Terma dan ungkapan berikut akan mempunyai maksud yang berikut melainkan ditakrif sebaliknya:

“**Akaun**” bermaksud mana-mana satu atau lebih akaun sama ada yang dibuka secara individu atau bersama, yang dipegang dengan Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada akaun simpanan, semasa, kad kredit atau debit, atau akaun lain seperti yang akan ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

“**Peranti Akses**” bermaksud komputer peribadi, atau telefon mudah alih dan peranti lain yang menyambungkan anda ke Internet.

“**Sekutu**” bermaksud pedagang yang menyertai atau Syarikat Penerima atau manamana entiti lain yang produk, perkhidmatan atau maklumatnya dikendalikan oleh Bank.

“**AmBank Islamic**” bermaksud AmBank Islamic Berhad (No. syarikat 295576-U).

“**Perkhidmatan Pusat Hubungan AmBank**” atau “**Perkhidmatan Pusat**”

## TERMA & SYARAT AM

### Perbankan Mudah Alih AmBank (Untuk Pelanggan Perbankan Runcit Sahaja)

**Hubungan**" bermaksud perkhidmatan perbankan dalam telefon yang disediakan oleh Bank.

**"Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank"** bermaksud platform komunikasi dan penyampai perkhidmatan lengkap selamat dan terkawal bagi penyampaian perkhidmatan perbankan oleh Bank pada Telefon Mudah Alih dan peranti mudah alih serasi lain yang menggunakan perisian telefon mudah alih oleh berkemampuan data dan perisian telefon mudah alih berkemampuan SMS (Khidmat Pesanan ringkas) yang mengandungi antara muka perbankan mudah alih WEB/WAP.

**"Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian AmBank"** bermaksud perkhidmatan perbankan dalam talian yang disediakan oleh Bank.

**"Kumpulan AmBank"** bermaksud semua entiti berikut secara kolektif:

(i) AMMB Holdings Berhad (No. Syarikat: 223035-V); dan

(ii) semua Syarikat Berkaitan dan Syarikat Bersekutu (seperti yang ditakrif dalam Akta Syarikat 1965) AMMB Holdings Berhad (No. Syarikat: 223035-V); dan

(iii) semua Syarikat Berkaitan dan Syarikat Bersekutu (seperti yang ditakrif dalam Akta Syarikat 1965) Bank.

sama ada diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia, wujud pada masa ini atau pada masa akan datang, dan rujukan kepada 'Kumpulan AmBank' dalam Perjanjian ini akan merangkumi semua atau sebarang entiti dalam Kumpulan AmBank;

**"Bank"** bermaksud AmBank (M) Berhad (No. Syarikat 8515-D) dan AmBank Islamic Berhad (No. Syarikat 295576-U).

**"Perkhidmatan Perbankan"** bermaksud produk dan perkhidmatan Bank yang disediakan kepada anda melalui Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank.

**"Perkhidmatan Pembayaran Bil"** bermaksud perkhidmatan yang disediakan kepada anda oleh Bank untuk pembayaran Bil.

**"Bil"** bermaksud bil yang dikeluarkan oleh Syarikat Penerima bagi penggunaan atau pembelian barangan atau perkhidmatan oleh anda daripada Syarikat Penerima.

**"Kandungan"** bermaksud maklumat proprietari atau bukan proprietari dan hasil teks, hiperteks, muzik, suara, video karya multimedia atau hasil seni bagi tujuan promosi, pendidikan, maklumat dan/atau hiburan yang disediakan melalui Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank.

**"Cukai"** bermaksud sebarang cukai, termasuk tetapi tidak terhad kepada, cukai barangan dan perkhidmatan, cukai nilai tambah, cukai penggunaan, cukai pengguna,

## TERMA & SYARAT AM

### Perbankan Mudah Alih AmBank (Untuk Pelanggan Perbankan Runcit Sahaja)

cukai tidak langsung, cukai perkhidmatan, duti, levi dan cukai lain yang mungkin sekarang atau selepas ini dikenakan oleh Kerajaan daripada Malaysia.

“**Internet**” bermaksud rangkaian komputer seluruh dunia yang menggunakan protokol rangkaian TCP/IP untuk memudahkan penghantaran dan pertukaran data.

“**Arahan**” bermaksud sebarang komunikasi, operasi, transaksi, permintaan atau arahan kepada Bank yang dilaksanakan dengan penggunaan ID Log Masuk dan Kata Laluan yang sah.

“**ID Log Masuk**” bermaksud nama unik yang terdiri daripada serentetan aksara (yang mungkin mengandungi, tetapi tidak terhad kepada aksara berangka atau abjad) yang anda pilih untuk sistem Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank mengaitkan ID Log Masuk dengan profil dan Akaun anda.

“**Telefon Mudah Alih**” bermaksud telefon selular, atau peranti komunikasi lain seumpamanya yang digunakan untuk mengakses Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank.

“**Pembekal Perkhidmatan Internet**” bermaksud akses 3G/Edge/GPRS/WIFI ke sambungan pembekal perkhidmatan rangkaian ke Internet, penyediaan data Jaringan Seranta dan penyimpanan data sampingan.

“**Kata Laluan**” bermaksud serentetan aksara, yang anda pilih dan disimpan dalam sistem komputer Bank dalam bentuk yang dienkrapsikan, yang mesti dimasukkan oleh anda sendiri untuk sistem Bank mengesahkan ID Log Masuk bagi memberikan anda akses ke Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank.

“**Tarikh Pembayaran**” bermaksud tarikh yang anda pilih untuk membuat pembayaran.

“**Syarikat Penerima**” bermaksud syarikat yang diluluskan oleh Bank dan Kumpulan AmBank dari semasa ke semasa untuk Perkhidmatan Pembayaran Bil dan dipaparkan di skrin pembayaran bil Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian AmBank dan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank.

“**Terma dan Syarat**” bermaksud terma ini dan sebarang pindaan dan/atau variasi daripadanya bagi tujuan akses dan/atau penggunaan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian AmBank dan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank.

“**Waktu Penangguhan Transaksi**” bermaksud jam 11 malam pada mana-mana Hari Bekerja, melainkan dinyatakan sebaliknya di Laman Sesawang ini.

“**Laman Sesawang**” bermaksud laman sesawang ini di alamat URL: [www.ambank.com.my](http://www.ambank.com.my)



# TERMA & SYARAT AM

## Perbankan Mudah Alih AmBank (Untuk Pelanggan Perbankan Runcit Sahaja)

“Hari Bekerja” bermaksud hari apabila bank dan/atau institusi kewangan lain di Malaysia dibuka untuk perniagaan dan tidak termasuk hari Sabtu, Ahad dan cuti umum.

- 2.2 Rujukan kepada 'orang' akan merangkumi syarikat, perbadanan dan individu.
- 2.3 Rujukan kepada 'anda' adalah rujukan kepada pelanggan Bank dan Kumpulan AmBank yang Bank telah bersetuju untuk menyediakan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian AmBank dan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank termasuk pemegang akaun individu dan bersama.
- 2.4 Perkataan bersifat tunggal akan merangkumi jamak dan sebaliknya.
- 2.5 Mana-mana istilah perbankan yang tidak ditakrif atau dihuraikan secara khusus di sini akan diertikan menurut amalan umum bank dan institusi kewangan di Malaysia. Mana-mana istilah berkaitan teknologi komputer yang tidak ditakrif atau dihuraikan secara khusus di sini akan dianggap menurut amalan umum dan perdagangan syarikat komputer dan industri teknologi maklumat di Malaysia.
- 2.6 Sekiranya berlaku sebarang konflik dalam pentakrifan Perjanjian ini dan mana-mana terjemahan Perjanjian ini dalam apa-apa bahasa, versi bahasa Inggeris akan diterima pakai.

### 3. KELAYAKAN UNTUK PERKHIDMATAN PERBANKAN MUDAH ALIH AMBANK

- 3.1 Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank hanya disediakan kepada pemegang akaun Bank yang berusia 18 tahun ke atas dan memegang Akaun Perbankan Dalam Talian AmBank sedia ada. Bagi akaun bersama, Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank hanya disediakan kepada akaun dengan mandat “salah seorang akan menandatangani” sahaja (“Akaun Bersama”).
- 3.2 Bank berhak untuk menolak atau menerima sebarang permohonan bagi Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank menurut budi bicara tunggal dan mutlaknyanya. Jika Bank menolak sesuatu permohonan, ia tidak berkewajipan untuk memberikan sebarang sebab atau alasan bagi penolakan tersebut.

### 4. PERMOHONAN

- 4.1 Anda mestilah membaca semua terma dan syarat, peraturan dan/atau pengawalan yang dilampirkan dengan setiap borang permohonan bagi setiap produk dan/atau perkhidmatan yang anda ingin pohon.

### 5. ID LOG MASUK DAN KATA LALUAN ANDA

- 5.1 Dengan menggunakan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank anda dengan ini menyatakan dan berakujanji yang anda akan merahsiakan maklumat ID Log Masuk,

## TERMA & SYARAT AM

### Perbankan Mudah Alih AmBank (Untuk Pelanggan Perbankan Runcit Sahaja)

**Kata Laluan dan Akaun pada setiap masa. Sekiranya ID Log Masuk dan/atau Kata Laluan anda terjejas, disalahgunakan, hilang atau dicuri, atau jika anda mengesyaki bahawa seseorang telah memindahkan atau mungkin memindahkan wang dari Akaun anda tanpa izin/kebenaran anda, atau jika anda mengesyaki sebarang aktiviti penipuan pada Akaun anda, anda dikehendaki memaklumkan Bank dengan segera menggunakan maklumat hubungan yang diberikan di bawah disusuli dengan pengesahan bertulis. Anda tidak akan bertanggungjawab bagi transaksi yang dijalankan selepas Bank menerima pemberitahuan tersebut.**

- 5.2 Bagi Akaun Bersama (dengan mandat “salah seorang akan menandatangani”), ID Log Masuk dan Kata Laluan berasingan akan digunakan oleh setiap Pemegang Akaun Bersama. Apabila arahan bercanggah atau tidak konsisten diterima daripada dua (2) atau lebih pemegang Akaun Bersama, Bank berhak untuk bertindak pada arahan yang diterima lebih awal daripada salah satu arahan ini tanpa sebarang liabiliti kepada atau bagi sebarang kegagalan untuk bertindak pada arahan yang lain.
- 5.3 Sekiranya seorang (1) pemegang Akaun Bersama kehilangan ID Log Masuk atau Kata Laluan, Bank masih mempunyai kuasa untuk menjalankan sebarang Arahan yang dikeluarkan oleh pemegang Akaun Bersama yang masih ada melalui Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank.
- 5.4 Bank berhak untuk menggantung dan/atau membatalkan penggunaan ID Log Masuk dan Kata Laluan anda pada bila-bila masa namun ini tertakluk kepada pemberian notis daripada pihak Bank kepada anda dalam tempoh secepat yang munasabah. Meskipun begitu, Bank tidak perlu memberikan sebarang sebab atau alasan atas penggantungan atau pembatalan tersebut.
- 5.5 **Bank tidak akan bertanggungjawabke atas sebarang kehilangan atau kerosakan sekiranya berlaku sebarang penggunaan atau akses tanpa kebenaran kepada ID Log Masuk dan Kata Laluan anda dalam apa juga keadaan kecuali dan melainkan kehilangan atau kerosakan tersebut disebabkan secara langsung oleh kecuaiian yang melampau atau salah laku yang disengajakan oleh Bank.**

## 6. PERKHIDMATAN PEMBAYARAN BIL

- 6.1 **Perkhidmatan Pembayaran Bil memerlukan masa yang memadai bagi Syarikat Penerima menerima bayaran anda dan mengkreditkan akaun anda dengan betul. Untuk mengelakkan dikenakan caj, anda hendaklah merancang pembayaran anda secukupnya terlebih dahulu sebelum tarikh pembayaran kena dibayar anda tiba.**
- 6.2 Perkhidmatan Pembayaran Bil hendaklah digunakan hanya bagi tujuan membayar Bil kepada Syarikat Penerima. Bank tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang pemberhentian atau gangguan bekalan perkhidmatan atau pembelian barangan kepada anda atau sebarang kecacatan atau kekurangan dalam mana-mana barangan atau perkhidmatan daripada Syarikat Penerima. Anda dinasihati untuk menghubungi Syarikat

## TERMA & SYARAT AM

### Perbankan Mudah Alih AmBank (Untuk Pelanggan Perbankan Runcit Sahaja)

Penerima sekiranya anda mengalami apa-apa pemberhentian atau gangguan sedemikian atau tidak berpuas hati dengan barangan atau perkhidmatan. Anda dikehendaki menyelesaikan semua aduan, tuntutan dan pertikaian terhadap Syarikat Penerima secara langsung dan bukan melalui Bank. Anda bersetuju untuk tidak membabitkan Bank dalam apa-apa tuntutan sedemikian atau pertikaian atau prosiding perundangan terhadap Syarikat Penerima.

- 6.3 Bank boleh pada bila-bila masa, mengikut budi bicara mutlaknyanya, mengubah senarai Syarikat Penerima atau menarik balik mana-mana Syarikat Penerima dari senarai tanpa memberikan sebarang sebab kepada anda dan tanpa notis terlebih dahulu kepada anda dan Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kehilangan atau kerosakan yang anda mungkin alami disebabkan tindakan ini. Sekiranya senarai Syarikat Penerima diubah, Bank akan memaklumkan anda sewajarnya melalui mesej yang dipaparkan dalam sistem pesanan selamat Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian AmBank.

## 7. KAD KREDIT

- 7.1 Pengeluaran Kad VISA/MasterCard AmBank (M) Berhad (selepas ini dirujuk sebagai "Kad") kepada Ahli Kad dan penggunaan Kad di Internet atau Telefon Mudah Alih oleh Ahli Kad adalah tertakluk kepada terma dan syarat Kad tersebut.**

- 7.2 Bagi tujuan klausa ini, semua istilah dan ungkapan akan mempunyai maksud yang sama seperti istilah dan ungkapan dalam terma dan syarat Perjanjian VISA/MasterCard Bank.

## 8. GIRO ANTARA BANK

- 8.1 Dengan menggunakan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank ini, anda memohon dan membenarkan Bank melalui Arahan anda untuk mendebitkan Akaun anda dengan amaun dana tertentu (termasuk sebarang caj perkhidmatan yang dikenakan oleh Bank bagi penggunaan perkhidmatan ini) dan untuk memindahkan amaun yang ditentukan ditolak caj perkhidmatan tersebut kepada sama ada akaun anda atau ke akaun pihak ketiga yang dikendalikan oleh mana-mana institusi kewangan yang menyertai sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa. Amaun yang ditentukan (termasuk caj perkhidmatan yang dikenakan) tidak boleh melebihi had sehari yang ditetapkan dalam Laman Sesawang ini bagi GIRO Antara Bank, dan had ini akan ditentukan oleh Bank dan boleh berubah dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlaknyanya.

- 8.2 Tanpa mengambil kira Klausa 9.4 dalam dokumen ini, Waktu Penamatan Transaksi bagi perkhidmatan GIRO Antara Bank adalah pada jam 12.30 tengahari pada Hari Bekerja. Sebarang arahan yang diterima selepas jam 12.30 tengahari pada Hari Bekerja atau pada Hari Bukan Bekerja akan diproses pada Hari Bekerja berikutnya. Bagi tujuan perkhidmatan ini, Hari Bukan Bekerja di sini ditakrifkan sebagai hari Sabtu, Ahad dan Hari Cuti Am Wilayah Persekutuan.**

## TERMA & SYARAT AM

### Perbankan Mudah Alih AmBank (Untuk Pelanggan Perbankan Runcit Sahaja)

- 8.3 Meskipun Bank akan berusaha untuk memproses semua Arahan yang diterima, ia tidak menerima sebarang tanggungjawab untuk melakukannya dan oleh yang demikian, Bank tidak akan dikenakan sebarang liabiliti melalui atau disebabkan kegagalannya untuk mematuhi mana-mana Arahan. Dengan ini anda mengakui dan bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab atau berkewajipan atas sebarang kelewatan, ralat atau kegagalan untuk melaksanakan pemindahan dana sekiranya institusi kewangan lain yang terlibat dalam menjalankan pemindahan dana itu telah melewatkan, menolak, tidak membenarkan atau sebaliknya tidak boleh menerima pemindahan dana tersebut. Sekiranya hal ini berlaku, Bank akan dengan segera atau secepat yang munasabah memaklumkan anda akan perkara tersebut.
- 8.4 Bank berhak untuk membuat sebarang penambahan, pengubahsuaian, pembatalan atau perubahan kepada terma dan syarat ini yang mentadbir GIRO Antara Bank menurut budi bicara mutlaknya dengan memberi notis kepada anda.

#### 9. ARAHAN

- 9.1 Anda dengan ini bersetuju bahawa mana-mana Arahan daripada anda adalah kebenaran bagi Bank untuk percaya dan bertindak mengikut Arahan anda.
- 9.2 Arahan hanya akan diterima oleh Bank sekiranya ia telah dijalankan melalui Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank menggunakan ID Log Masuk dan Kata Laluan yang betul. Walau bagaimanapun, Bank tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kehilangan yang dialami oleh anda dan/atau mana-mana pihak ketiga akibat daripada tindakan Bank ke atas Arahan tersebut, sama ada diberikan oleh anda atau dianggap telah diberikan oleh anda dengan kebenaran ataupun tidak.**
- 9.3 Salah seorang pemegang Akaun Bersama boleh mengeluarkan Arahan melalui Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank dan membenarkan Bank untuk menjalankan sebarang transaksi pada Akaun. Apabila Arahan bercanggah atau tidak konsisten diterima daripada dua (2) atau lebih pemegang Akaun Bersama, Bank berhak untuk bertindak mengikut mana-mana satu arahan yang diterima lebih awal daripada Arahan ini tanpa sebarang liabiliti kepada atau bagi sebarang kegagalan untuk bertindak pada Arahan yang lain.
- 9.4 Walau apa pun yang dinyatakan dalam dokumen ini, Arahan yang diberikan sebelum Waktu Penangguhan Transaksi pada Hari Bekerja akan diproses pada hari yang sama. Semua Arahan yang diberi selepas Waktu Penangguhan Transaksi pada Hari Bekerja atau pada hari yang bukan Hari Bekerja akan diproses pada Hari Bekerja berikutnya.**
- 9.5 Bank berhak, tanpa perlu memberikan sebarang sebab/alasan, menolak untuk bertindak ke atas sebarang Arahan yang diberikan kepada Bank.
- 9.6 Arahan anda akan dianggap diterima oleh Bank selepas pemberian nombor rujukan pada halaman pengesahan. Bagi rekod urus niaga anda dengan Bank dan bagi

## TERMA & SYARAT AM

### Perbankan Mudah Alih AmBank (Untuk Pelanggan Perbankan Runcit Sahaja)

pengesahan kemudiannya, anda dinasihatkan agar mencetak atau menyimpan (jika berkenaan) dalam Telefon Mudah Alih anda satu salinan halaman pengesahan bagi semua transaksi yang dijalankan melalui Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank.

**9.7 Sebarang Arahan yang diberikan oleh Anda akan dianggap tidak boleh ditarik balik dan mengikat anda selepas arahan diserahkan.**

9.8 Sekiranya anda mempunyai sebarang sebab untuk percaya bahawa Arahan tidak diterima dengan tepat atau lengkap oleh Bank, anda hendaklah memaklumkan Bank dengan menghubungi Pusat Hubungan AmBank dengan segera melalui maklumat hubungan/nombor yang diberikan di sini, atau dalam hal lain tidak lewat daripada dua puluh empat (24) jam selepas penghantaran Arahan berkenaan oleh anda.

#### **10. REKOD TRANSAKSI PERBANKAN MUDAH ALIH**

**10.1 Anda bersetuju bahawa rekod Bank adalah bukti muktamad/konklusif bagi urusan anda dengan Bank berhubung Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank.**

**10.2 Dengan ini anda bersetuju untuk tidak membantah penyerahan rekod Bank sebagai bukti dalam mana-mana prosiding undang-undang berdasarkan bahawa rekod tersebut bukan yang asal, tidak tepat, bukan dalam bentuk bertulis atau adalah dokumen yang dijana oleh komputer.**

#### **11. PENDEDAHAN MAKLUMAT**

Sekiranya Bank perlu memindahkan sebarang maklumat kepada institusi perbankan lain atau kepada mana-mana Sekutu Bank untuk menjalankan Arahan anda, maka anda akan membenarkan Bank untuk menghantar dan menyimpan maklumat mengenai anda dan Akaun anda untuk memberikan maklumat tersebut kepada pihak ketiga ini.

Dengan ini anda bersetuju dan memahami bahawa Bank, atau mana-mana pihak ketiga yang Bank telah menghantar maklumat mengenai anda atau Akaun anda, mungkin mendedahkan maklumat ini jika perlu atau dibenarkan berbuat demikian oleh undang-undang.

#### **12. KLAUSA PRIVASI**

12.1 Anda mengesahkan bahawa anda telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Kumpulan AmBank (yang terdapat di [www.ambankgroup.com](http://www.ambankgroup.com)) dan klausa di sini, yang mungkin berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadi anda. Bagi mengelak keraguan, anda bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut adalah dianggap telah digabungkan dengan merujuk kepada Notis Privasi di dalam Terma dan Syarat Am ini.

12.2 Sekiranya anda memberikan maklumat peribadi dan/atau kewangan berkaitan pihak ketiga, termasuk maklumat berkaitan dengan keluarga terdekat, tanggungan,

## TERMA & SYARAT AM

### Perbankan Mudah Alih AmBank (Untuk Pelanggan Perbankan Runcit Sahaja)

pemegang syer, pegawai, penjamin individu dan pembekal sekuriti anda, untuk tujuan pembukaan dan pengendalian Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank atau sebaliknya melanggan produk dan perkhidmatan Bank, anda:

- 12.2.1 mengesahkan bahawa anda telah memperolehi kebenaran atau sebaliknya berhak untuk memberikan maklumat kepada Bank dan untuk kegunaan Bank selaras dengan Terma dan Syarat Am ini,
  - 12.2.2 bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat;
  - 12.2.3 bersetuju untuk mengemaskini secara bertulis sekiranya terdapat sebarang perubahan terhadap maklumat peribadi dan kewangan tersebut; dan
  - 12.2.4 bersetuju terhadap hak Bank untuk menamatkan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank sekiranya kebenaran tersebut ditarik balik oleh mana-mana pihak ketiga tersebut.
- 12.3 Bila mana anda mengarahkan Bank untuk melaksanakan apa-apa jenis transaksi merentas sempadan (termasuk membuat atau menerima bayaran), butiran mengenai transaksi merentas sempadan (termasuk maklumat berkaitan dengan sesiapa yang terlibat di dalam transaksi tersebut) mungkin akan diterima atau dihantar ke luar negara, di mana ia boleh diakses (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh ejen luar negara Bank, pengawal selia asing dan/atau pihak berkuasa berkaitan dengan tugas sah mereka (contohnya, pencegahan jenayah). Dalam memberikan arahan kepada Bank dan/atau ejen kami untuk memasuki transaksi merentas sempadan bagi pihak anda, anda dengan ini bersetuju bahawa pendedahan tersebut di atas adalah oleh pihak anda dan pihak – pihak lain yang terlibat di dalam transaksi merentas sempadan tersebut.
- 12.4 Sebagai tambahan, tetapi sentiasa tertakluk kepada sebarang undang-undang, (termasuklah peraturan, garis panduan dan/atau obligasi) terpakai bagi Bank (sama ada di dalam atau luar Malaysia), anda bersetuju bahawa syarikat lain di dalam Kumpulan AmBank, peniaga dan rakan perniagaan strategik mereka boleh menghubungi anda mengenai produk, perkhidmatan dan tawaran, yang mana Bank dan Kumpulan AmBank percaya mungkin memberi kepentingan atau faedah kepada anda.
- 12.5 Bank dan Kumpulan AmBank boleh berkomunikasi dengan anda melalui pelbagai saluran, termasuklah telefon, emel, pesanan elektronik/ bergerak, faksimili atau pos, menggunakan maklumat hubungan yang telah diberikan oleh anda.
- 12.6 Anda boleh memberitahu Bank pada bila-bila masa sekiranya anda memilih untuk tidak menerima sebarang komunikasi berhubung dengan pemasaran dari Bank, Kumpulan AmBank dan/atau peniaga dan rakan niaga strategik mereka, dengan menghubungi Bank di pelbagai saluran berikut:

Pegawai Khidmat Pelanggan  
Telefon: 1300 80 8888 (Domestik) atau (603) 2178 8888 (Luar negara) [24 jam]  
E-mel: [customercare@ambankgroup.com](mailto:customercare@ambankgroup.com)  
Pos: Privacy, AmBank Contact Centre, P.O. Box No. 12617, 50784 Kuala Lumpur

- 12.7 Arahan bertulis yang terkini daripada anda akan terpakai. Anda mengakui bahawa sesetengah komunikasi seperti penyata Akaun kepada anda dan laman sesawang Kumpulan AmBank mungkin mengandungi maklumat biasa mengenai produk dan perkhidmatan lain Bank dan Kumpulan AmBank yang tidak boleh dikeluarkan tanpa menjejaskan bahagian penghantaran/operasi Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank dan / atau tanpa sebarang kos tambahan kepada anda.
- 12.8 Walaupun anda telah memberikan maklumat kepada Bank, anda mempunyai pilihan untuk menarik balik kebenaran yang diberikan dahulu. Dalam keadaan sedemikian, Bank berhak untuk tidak memberikan atau menghentikan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank yang dipautkan dengan maklumat tersebut.
- 12.9 Bank berhak untuk meminda Seksyen ini dari semasa ke semasa atas budi bicaramutlak Bank dengan memberi anda notis 21 hari kalendar terlebih dahulu.
- 12.10 Seksyen ini adalah tanpa prejudis kepada Seksyen 11 di dalam Terma dan Syarat Am ini bagi Pendedahan Maklumat.

### **13. YURAN DAN CAJ**

**Anda mengakui bahawa Bank berhak untuk memberi levi atau mengenakan caj perkhidmatan atau yuran transaksi dan/atau mengubah yuran tersebut dari semasa ke semasa berhubung Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank yang disediakan kepada anda, tertakluk kepada pemberian notis 21 hari kalendar oleh Bank.**

**Tertakluk kepada pemberian notis terlebih dahulu, anda dengan ini membenarkan Bank untuk mendebitkan akaun anda untuk yuran, komisen dan caj tersebut.**

**Anda bertanggungjawab bagi sebarang caj mudah alih, caj perbankan dalam talian dan apa-apa caj yang dikenakan oleh Pembekal Perkhidmatan Rangkaian ada bagi penggunaan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank.**

**Melainkan diperuntukkan sebaliknya di dalam Perjanjian ini, pihak-pihak bersetuju bahawa Fi dan apa-apa wang lain yang kena dibayar di bawah Perjanjian ini kecuali cukai dan cukai tersebut akan ditanggung oleh anda.**

### **14. HAD PADA TRANSAKSI DAN MAKLUMAT AKAUN**

Bank berhak menetapkan had pada transaksi yang anda jalankan melalui Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank. Had yang ditetapkan oleh Bank mungkin berubah dari semasa ke semasa dan Bank akan memaklumkan anda mengenai perubahan tersebut sewajarnya. Walau apa pun had yang ditetapkan oleh Bank, anda boleh memilih untuk menetapkan had yang lebih rendah bagi transaksi yang dijalankan pada Akaun anda melalui Perkhidmatan ini, dan dalam hal ini had lebih rendah yang anda tetapkan akan diguna pakai. Anda bersetuju untuk mematuhi had yang ditetapkan oleh Bank atau oleh anda sendiri bagi semua transaksi. Meskipun Bank mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa sebarang

## TERMA & SYARAT AM

### Perbankan Mudah Alih AmBank (Untuk Pelanggan Perbankan Runcit Sahaja)

maklumat berkaitan Akaun anda yang diperoleh melalui Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank adalah terkini, anda mengakui dan bersetuju bahawa maklumat tersebut mungkin tidak terkini kerana mungkin terdapat Arahan, transaksi dan/atau caj yang dikenakan yang belum lagi diproses oleh Bank atau sedang diproses dan seterusnya tidak akan mempertanggungjawabkan Bank atas perkara tersebut.

#### 15. LAPORAN DAN PERTANYAAN

15.1 Sekiranya berlaku sebarang laporan mengenai ralat dan/atau pertanyaan berhubung Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank pada Akaun anda, transaksi, bayaran atau bayaran elektronik, anda boleh menghubungi Bank berhubung perkara tersebut pada maklumat hubungan yang diberikan di bawah.

#### 16. PENAMATAN ATAU PENGGANTUNGAN PERKHIDMATAN PERBANKAN MUDAH ALIH AMBANK

16.1 Akses dan penggunaan Laman Sesawang ini dan/atau Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank yang dilakukan oleh anda mungkin ditamatkan atau digantung sama ada sebahagian atau keseluruhannya oleh Bank pada bila-bila masa tertakluk kepada pemberian notis kepada anda sebaik sahaja yang wajar.

16.2 Walau apa pun yang dinyatakan di atas, Bank mempunyai budi bicara mutlak untuk menggantung atau menamatkan hak akses anda kepada Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank dengan segera setelah penutupan, penamatan atau kegagalan anda untuk mengekalkan mana-mana Akaun dengan Bank atau atas apa jua alas an berkaitan lain yang dianggap wajar oleh Bank.

16.3 **Anda boleh menamatkan penggunaan dan akses anda kepada Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank dengan memberikan notis bertulis empat belas (14) hari terlebih dahulu.** Dengan berbuat demikian, anda bersetuju untuk tidak menggunakan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank selepas itu, dan anda juga bersetuju bahawa Bank tidak bertanggungjawab untuk menjalankan apa-apa Arahan yang diterima pada mana-mana hari selepas penerimaan notis penamatan anda.

#### 17. LIABILITI

17.1 Anda akan bertanggungjawab dan menanggung liabiliti bagi sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami oleh Bank disebabkan anda melanggar Terma dan Syarat ini.

17.2 Bank akan mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa sebarang maklumat berkenaan Akaun anda yang diperoleh melalui Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank adalah terkini, tetapi tidak dalam apa jua cara dianggap sebagai menjamin atau mewakili bahawa maklumat yang boleh didapati pada atau mengenai Akaun anda melalui Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank adalah tepat atau terkini.



## TERMA & SYARAT AM

### Perbankan Mudah Alih AmBank (Untuk Pelanggan Perbankan Runcit Sahaja)

- 17.3 Anda akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pembelian, pemasangan, penyenggaraan dan pengendalian Peranti Akses.
- 17.4 Dalam apa jua keadaan dan di bawah teori perundangan, tort, kontrak, atau sebaliknya, Bank atau Kumpulan AmBank tidak akan bertanggungjawab terhadap anda atau sesiapa juga bagi sebarang kerugian langsung, tidak langsung, khusus, sampingan atau berbangkit daripada sebarang bentuk, termasuk dan tanpa sebarang had, kerugian disebabkan kehilangan nama baik, kehilangan penggunaan, kehilangan data, keuntungan, pemberhentian kerja, kegagalan atau kepincangan tugas komputer, kerosakan atau kepincangan tugas telefon mudah alih, atau apaapa dan semua kerosakan atau kehilangan komersial yang timbul disebabkan anda mengakses dan/atau menggunakan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih yang mana salah satu keadaan berikut berlaku:
- apabila Bank mempunyai sebab untuk meragui kesahihan Arahan. Dalam keadaan tersebut, Bank tidak berkewajipan untuk memberikan sebab bagi melaksanakan kebijaksanaannya untuk tidak bertindak mengikut Arahan;
  - apabila Bank diwajibkan oleh undang-undang untuk melarang pengeluaran dari Akaun anda;
  - apabila Akaun anda dibekukan atau ditutup;
  - apabila anda tidak dapat mengakses atau menggunakan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank atau mana-mana laman sesawang hiperpautan;
  - penggunaan atau kebergantungan kepada Kandungan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank (dan/atau mana-mana laman sesawang hiperpautan);
  - apabila anda gagal memberikan maklumat atau Arahan yang perlu dan/atau tepat bagi pelaksanaan atau penyempurnaan transaksi;
  - apabila terdapat kelewatan dalam pelaksanaan atau ketidaklaksanaan sebarang obligasi Bank disebabkan apa-apa sebab di luar kawalan Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada masalah teknikal, mogok atau tindakan industri lain atau kegagalan komunikasi atau kuasa, kegagalan sistem, pelayan atau sambungan, ralat, peninggalan, gangguan, kelewatan operasi atau penghantaran, atau pencerobohan virus komputer dan perisian spam, kod jahat, atau korupsi;
  - apabila amaun dana dalam Akaun anda tidak mencukupi untuk Arahan dilaksanakan;
  - apabila terdapat ketidakupayaan menjalankan sebarang transaksi disebabkan had yang ditetapkan oleh Bank atau oleh anda sendiri seperti yang dinyatakan dalam Klausula 14 di atas;

## TERMA & SYARAT AM

### Perbankan Mudah Alih AmBank (Untuk Pelanggan Perbankan Runcit Sahaja)

- apabila anda gagal mematuhi arahan, prosedur dan panduan semasa apabila menggunakan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank di mana disediakan;
- apabila berlaku sebarang kerugian atau kerosakan disebabkan oleh pihak ketiga atau apa-apa keadaan yang di luar kawalan munasabah Bank;
- apabila terdapat ralat, pengubahan atau pemusnahan mana-mana Arahan, data atau maklumat yang dihantar melalui Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank;
- apabila Peranti Akses atau Telefon Mudah Alih anda telah diubah, dirosakkan, disalahgunakan, dimusnahkan, diubahsuai oleh anda atau mana-mana pihak ketiga atau terjejas dengan virus, cecacing, perisian perisik, perisian jahat atau peranti penjejak lain yang menghalang atau mengganggu penggunaan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank atau menyebabkan kerosakan atau kerugian disebabkan olehnya
- apabila terdapat sebarang kegagalan atau kelewatan disebabkan oleh perisian pelayar atau oleh mana-mana Pembekal Perkhidmatan Internet atau mana-mana pembekal perisian lain; dan
- apabila terdapat sebarang keadaan lain yang di luar kawalan munasabah Bank.

17.5 Tidak kira apa pun peruntukan lain yang dinyatakan dalam dokumen ini, remedi tunggal anda, kewangan atau sebaliknya, bagi sebarang kerosakan atau tuntutan akibat sebarang kecacatan yang timbul daripada penggunaan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank adalah terhad kepada AmBank memproses semula data atau transaksi yang terjejas tanpa mengenakan sebarang kos kepada anda.

#### **18. HAK UNTUK MENOLAK SELESAI**

- 18.1 Bank boleh pada bila-bila masa, dengan notis kepada anda, sebaik sahaja munasabah dan dengan cara yang dianggap wajar oleh Bank, menolak dari Akaun anda atau mana-mana akaun lain yang anda pegang dengan Kumpulan AmBank, untuk membayar sebarang amaun yang anda telah dikenakan sebagai liability kepada Bank, sama ada disebabkan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini atau susulan mana-mana transaksi yang dijalankan dengan Bank atau oleh operasi undang-undang.
- 18.2 Bank tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kerosakan, kerugian atau perbelanjaan yang ditanggung oleh anda akibat pelaksanaan hak Bank di bawah ini dan anda bersetuju untuk melepaskan Bank daripada sebarang tuntutan berikutan pelaksanaan hak untuk menolak selesai oleh Bank.

## TERMA & SYARAT AM

### Perbankan Mudah Alih AmBank (Untuk Pelanggan Perbankan Runcit Sahaja)

18.3 Hak Bank di bawah Klausa 18 tidak akan terjejas oleh kematian anda, kebangkrapan, ketidakmampuan membayar atau jika proses perundangan dikenakan terhadap anda.

#### 19. PENGGUNAAN ANTARABANGSA

19.1 Penggunaan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank di luar Malaysia hendaklah tertakluk kepada undang-undang Malaysia dan negara tempat transaksi dijalankan atau dipohon termasuk tetapi tidak terhad kepada Peraturan Kawalan Pertukaran Mata Wang Bank Negara Malaysia atau mana-mana keperluan kawalan fiskal atau pertukaran mata wang yang dikuatkuasakan di negara tempat transaksi dijalankan atau dipohon.

19.2 Amaun maksimum sesuatu transaksi dan tujuan ia dijalankan mungkin ditentukan oleh Bank Negara Malaysia dan/atau undang-undang serta peraturan negara tempat transaksi dijalankan atau dipohon.

**19.3 Anda bersetuju bahawa anda menggunakan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank berdasarkan inisiatif serta kehendak anda sendiri dan anda bertanggungjawab bagi pematuhan dengan semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan.**

#### 20. PENYERAHHAKAN, PENGGABUNGAN DAN/ATAU PEMEROLEHAN

20.1 Anda bersetuju bahawa Bank berhak untuk menyerahkan hak dan obligasi di bawah Perjanjian ini kepada mana-mana ahli Kumpulan AmBank.

20.2 Anda mengakui dan menyetujui bahawa obligasi yang diwujudkan oleh perjanjian ini akan terus sah dan mengikat bagi semua maksud dan tujuan tidak kira apa pun penggabungan, pemerolehan, pembinaan semula, penyatuan atau sebaliknya yang mungkin dibuat terhadap Bank sama ada menyebabkan perubahan nama dalam entiti yang baru atau tidak.

#### 21. NOTIS HAK CIPTA DAN TANDA PERNIAGAAN

21.1 Semua hak pemilikan, hak cipta, tanda perniagaan dan hak harta intelektual lain yang terikat pada, terkandung atau terletak pada Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank ini dan semua Kandungan, data, maklumat, butiran, bahan, penulisan, manual atau grafik yang terkandung dalam Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank ini adalah milik Bank dan Kumpulan AmBank melainkan dinyatakan sebaliknya. Bank melarang keras sebarang penggunaan mana-mana hak yang disebut di atas dalam apa jua cara tanpa kebenaran bertulis yang jelas daripada Bank terlebih dahulu.

21.2 Menyalin, mengatur semua, mengimbas automatik, memuat turun, eksploitasi Kandungan yang disediakan pada Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank adalah dilarang, kecuali apabila ia dibenarkan secara jelas secara bertulis oleh Bank.

## TERMA & SYARAT AM

### Perbankan Mudah Alih AmBank (Untuk Pelanggan Perbankan Runcit Sahaja)

- 21.3 Semua hak harta intelektual, reka bentuk dan kandungan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank ini adalah milik Bank melainkan hak harta intelektual vendor atau Sekutu yang telah mengizinkan penggunaan dan pengeluaran semula Kandungan pada Perkhidmatan ini oleh Bank.

## 22. PENAFIAN

- 22.1 Meskipun Bank berusaha untuk memastikan ketepatan dan kesahihan semua maklumat berkaitan transaksi dan produk serta perkhidmatan Bank, anda mengesahkan dan memahami bahawa Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank disediakan “seperti seadanya” dan “seperti tersedia”, tanpa sebarang waranti daripada apa-apa jenis, sama ada tersurat, tersirat atau statutori. Bank secara khususnya menafikan sebarang waranti kebolehdagangan atau keutuhan bagi tujuan tertentu, waranti hak milik, ketaklanggaran hak harta intelektual atau hak pihak ketiga. Anda dinasihati agar menilai dan memastikan bahawa kualiti produk dan/atau perkhidmatan yang diakses atau dibeli melalui penggunaan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank memenuhi jangkaan anda. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang virus, cecacing, perisian perisik atau perisian jahat yang mungkin disebarkan melalui Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank.
- 22.2 Setakat maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak menjamin bahawa Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank ini akan menyediakan perkhidmatan tanpa gangguan atau bebas ralat atau bahawa sebarang kecacatan yang dikenal pasti akan dibetulkan dan bahawa maklumat di Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank adalah tepat, lengkap, tepat pada masanya atau boleh dipercayai. Bank secara jelas menafikan liabiliti bagi sebarang kelewatan, ralat atau ketinggalan dalam penghantaran Kandungan dan ketepatan, kesempurnaan dan ketepatan masanya.
- 22.3 Anda bersetuju bahawa Bank bergantung pada Sekutunya untuk mendapatkan maklumat mengenai Sekutu dan produk, perkhidmatan dan tawaran mereka, dan bahawa Bank secara jelas menafikan semua tanggungjawab dan liabiliti berhubung maklumat, produk, perkhidmatan atau tawaran sedemikian yang terkandung dalam Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank termasuk tetapi tidak terhad kepada ketepatan, kesempurnaan dan ketepatan masanya.
- 22.4 Anda bertanggungjawab untuk mengesahkan maklumat dan mendapatkan nasihat profesional yang bebas sebelum bertindak dan bergantung pada maklumat dalam perkhidmatan ini sebagai asas bagi keputusan anda.
- 22.5 Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kecederaan peribadi, kematian atau kerosakan kepada harta ketara dan tidak ketara kepada mana-mana individu, yang timbul daripada atau disebabkan oleh penggunaan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank.

## TERMA & SYARAT AM

### Perbankan Mudah Alih AmBank (Untuk Pelanggan Perbankan Runcit Sahaja)

#### 23. INDEMNITI

23.1 Anda dengan ini bersetuju untuk melepaskan dan melepaskan sepenuhnya Bank dan Kumpulan AmBank, kakitangan, ejen dan penjenama bersamanya daripada sebarang tindakan, tuntutan, permintaan, perbelanjaan (termasuk yuran perundangan mengikut asas ganti rugi penuh) yang dialami atau dikenakan oleh Bank dan Kumpulan AmBank disebabkan akses dan/atau penggunaan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank kecuali dan melainkan kerugian dan ganti rugi yang disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau salah laku sengaja Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada:-

- penggunaan atau penyalahgunaan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank atau Kandungan pada Perkhidmatan ini dan mana-mana laman sesawang yang dipautkan dan perkhidmatan yang disediakan di situ;
- pelanggaran atau ketidakpatuhan anda kepada Terma dan Syarat dalam dokumen ini; dan
- pencabulan hak mana-mana pihak ketiga berhubung penggunaan atau akses anda kepada Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih ini.
- ketaksediaan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank disebabkan lokasi, kesediaan rangkaian mudah alih dan kefungsiian Telefon Mudah Alih dan Peranti Akses yang betul.

#### 24. PAUTAN KE LAMAN SESAWANG PIHAK KETIGA

24.1 Bank tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang pautan ke laman sesawang pihak ketiga lain yang dipaparkan di Laman Sesawang dan menolak sebarang liabiliti bagi amalan privasi dan kandungan laman sesawang yang dipautkan ini. Dasar privasi Bank dan Kumpulan AmBank akan tamat apabila anda dipindahkan ke laman sesawang pihak ketiga lain melalui mana-mana pautan yang dipaparkan di Laman Sesawang. Bank menggesa anda agar membaca dasar privasi mana-mana laman sesawang pihak ketiga sebelum anda dipindahkan ke laman sesawang tersebut.

#### 25. PROMOSI DAN TAWARAN

##### PROMOSI DAN TAWARAN DARIPADA SEKUTU

25.1 Maklumat yang diberikan melalui Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank ini mengandungi tawaran dan promosi eksklusif yang ditawarkan oleh Sekutu. Apa-apa hubungan atau urusan perniagaan dengan atau penyertaan dalam promosi atau sebarang bayaran dan penghantaran barangan atau perkhidmatan, dan terma, syarat, representasi berkaitan tawaran dan promosi sedemikian hanyalah antara anda dan Sekutu. Bank tidak akan bertanggungjawab atau berkewajipan terhadap sebarang

## TERMA & SYARAT AM

### Perbankan Mudah Alih AmBank (Untuk Pelanggan Perbankan Runcit Sahaja)

kerugian atau kerosakan yang dialami disebabkan mana-mana hubungan sedemikian antara anda dan Sekutu.

**25.2 Berhubung Kandungan yang ditawarkan oleh Sekutu, Bank tidak dan tidak akan:**

- menanggung apa-apa pun tanggungjawab bagi ketepatan atau kewajaran maklumat yang terkandung di dalamnya;
- mengesahkan maklumat tersebut atau membuat sebarang representasi, waranti atau jaminan berhubung maklumat tersebut;
- mempunyai kawalan ke atas kandungannya;
- mengendors secara tersirat ketersediaan barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh Sekutu;
- menjamin dan/atau mengendors kandungan; dan
- bertanggungjawab ke atas sebarang jenis ganti rugi disebabkan penggunaan atau pergantungan pada kandungan dalam iklan, termasuk tetapi tidak terhad kepada ganti rugi langsung, tidak langsung, sampingan, punitif, dan berbangkit.

**25.3 Bank menasihatkan anda agar menghubungi Sekutu secara terus sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan berhubung Kandungan yang mereka sediakan.**

## **26. PENGUBAHSUAIAN KEPADA TERMA & SYARAT**

26.1 Bank berhak untuk meminda Terma dan Syarat yang terkandung di sini mengikut budi bicara mutlaknyanya dengan memberi notis 21 hari kalendar terlebih dahulu.

26.2 Akses atau penggunaan berterusan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank oleh anda selepas sebarang pindaan berkuatkuasa menandakan penerimaan anda terhadap pindaan tersebut.

## **27. DASAR ANTI SPAM**

27.1 Bank tidak akan membenarkan spammer untuk beroperasi di pelayannya. Apabila menggunakan Kandungan pada Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank ini, anda bersetuju untuk tidak menghantar e-mel tidak diminta secara pukal dengan mesej komersial kepada pengguna lain Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank ini atau kepada umum; dan tidak mengganggu, mengacau, mengugut atau menganiaya pengguna lain; ataupun menyiarkan atau mengedarkan apa-apa maklumat atau bahan yang lucah, terkutuk, bersifat perkauman.

## TERMA & SYARAT AM

### Perbankan Mudah Alih AmBank (Untuk Pelanggan Perbankan Runcit Sahaja)

**27.2** Anda mempunyai pilihan untuk menerima e-mel daripada Bank yang mana mesejnya mungkin tidak berkaitan bagi tujuan perkhidmatan yang ditawarkan dalam Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank. Jika anda memilih untuk tidak menerima e-mel sedemikian, sila maklumkan Bank dengan menggunakan maklumat hubungan yang diberikan di bawah.

#### **28. NOTIS**

**28.1** Anda bersetuju bahawa semua notis dan komunikasi lain yang diperlukan di bawah Terma dan Syarat ini atau yang berkenaan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank akan dianggap telah dihantar:

- Pada waktu serahan, jika dihantar secara peribadi;
- Selepas hari ketiga (3) pengeposan, jika dihantar melalui pos biasa;
- Setelah penerimaan status pengesahan bahawa notis telah berjaya dihantar, jika dihantar melalui faks;
- Satu (1) hari selepas penghantaran notis kepada pembekal perkhidmatan kurier, jika dihantar melalui kurier;
- Dua puluh empat (24) jam selepas penghantaran, jika dihantar melalui mel elektronik ke alamat e-mel yang terakhir seperti diberikan kepada Bank;
- Dua puluh empat (24) jam selepas penghantaran, jika dihantar melalui mesej selamat ke akaun Perbankan Dalam Talian AmBank;
- Apabila notis dipamerkan di premis Bank;
- Pada tarikh siaran iklan, yang diterbitkan dalam mana-mana akhbar tempatan;
- Dua (2) hari selepas tarikh penyiaran notis yang terkandung dalam penyata akaun Bank;
- Apabila mesej atau notis disiarkan di Laman Sesawang;
- Apabila dimaklumkan kepada anda dalam apa jua cara yang dianggap wajar oleh
- Bank.

**28.2** Semua notis daripada anda kepada Bank berhubung Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank dan/atau Terma dan Syarat ini hendaklah dalam bentuk bertulis, ditandatangani oleh anda dan dihantar kepada Bank di alamat yang diberikan di bawah atau dalam apa-apa jua cara lain atau ke alamat lain seperti yang dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

## TERMA & SYARAT AM

### Perbankan Mudah Alih AmBank (Untuk Pelanggan Perbankan Runcit Sahaja)

28.3 Semua rujukan kepada tarikh dan masa akan dianggap sebagai rujukan kepada tarikh dan masa di Malaysia.

#### **29. TANGGUNGJAWAB DAN AKUJANJI**

29.1 Anda hendaklah, pada setiap masa, bertanggungjawab bagi mendapatkan dan menggunakan pelayar Internet/GPRS/3G yang perlu dan/atau mana-mana perkakasan dan/atau perisian lain yang perlu termasuk mana-mana versi baharu dan terkini, yang perlu untuk mendapat akses kepada dan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank dan di atas risiko serta perbelanjaan anda sendiri.

29.2 Anda bertanggungjawab atas penyenggaraan mana-mana akaun yang anda mungkin ada dengan Pembekal Perkhidmatan Rangkaian untuk akses anda ke Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank dan anda dengan ini bersetuju, mengakui dan memahami bahawa akses tersebut akan, sehingga takat itu, tertakluk kepada terma dan syarat Pembekal Perkhidmatan Rangkaian anda.

29.3 Anda bersetuju dan mengakui bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab atas ketidakmampuan anda untuk mengakses Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank atau mana-mana bahagian daripadanya, penolakan transaksi anda, pemprosesan transaksi anda yang tidak betul disebabkan kegagalan anda menyenggara akaun dengan Pembekal Perkhidmatan Rangkaian atau kegagalan anda mendapatkan atau menggunakan pelayar Internet/GPRS/3G yang perlu dan/atau perkakasan dan/atau perisian lain termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang kegagalan untuk menaik taraf pelayar Internet/GPRS/3G dan/atau perisian berkaitan atau untuk menggunakan versi baharu dan terkini sebagaimana yang dikehendaki oleh Bank.

29.4 Anda bersetuju untuk mematuhi semua langkah keselamatan berhubung Akaun anda dan akses kepada dan penggunaan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini dan mana-mana aturan dan peraturan lain, dasar atau garis panduan yang mungkin berkuat kuasa berhubung dengannya.

29.5 Anda hendaklah memberikan kepada Bank data, maklumat dan Arahan yang lengkap, tepat dan menepati masa berkaitan atau berhubung mana-mana transaksi dan pelaksanaan mana-mana transaksi yang dibuat melalui Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank.

29.6 Anda tidak akan mengemukakan sebarang tuntutan/dakwaan, tindakan atau saman terhadap Bank, bagi sebarang penggunaan yang tidak dibenarkan dan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank sama ada disebabkan Kata Laluan Perbankan Internet / Perbankan Mudah Alih dan ID Pengguna Perbankan Internet / Perbankan Mudah Alih anda terjejas atau sebaliknya.



## TERMA & SYARAT AM

### Perbankan Mudah Alih AmBank (Untuk Pelanggan Perbankan Runcit Sahaja)

- 29.7 Anda hendaklah, pada setiap masa, mematuhi dan berpegang pada peruntukan Terma dan Syarat ini dan mana-mana perjanjian berkenaan lain yang dijalin antara Bank dan anda, dan apa-apa peraturan, pengawalan, dasar dan garis panduan lain yang sedang dikuatkuasakan.
- 29.8 Anda tidak akan mengganggu akses kepada dan penggunaan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank oleh pelanggan lain dan anda tidak akan menggunakan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank bagi apa-apa tujuan lain selain daripada menjalankan transaksi yang dibenarkan berkaitan Akaun anda. Anda juga tidak akan menggodam, cuba untuk menggodam atau mendapatkan akses yang tidak dibenarkan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, ke dalam Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank atau mana-mana akaun pelanggan lain bagi apa-apa tujuan sekalipun.
- 29.9 Anda akan mematuhi semua propertari dan etika yang munasabah dalam komunikasi anda dengan Bank dan tidak akan menyampaikan sebarang maklumat lucah atau fitnah kepada atau mengenai AmBank melalui Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank.
- 29.10 Anda sentiasa mengambil tahu dan mengemaskinikan pengetahuan anda tentang dasar dan amalan serta terma Bank yang relevan dan berkenaan yang berkaitan Akaun anda, Perkhidmatan Perbankan, dan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank seperti yang diberikan oleh Bank kepada anda.

### **30. Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank**

- 30.1 Tertakluk kepada Terma dan Syarat ini serta mana-mana terma dan syarat lain yang mungkin relevan kepada Perkhidmatan Perbankan tertentu, dan tertakluk kepada anda mempunyai dan mengekalkan Akaun yang relevan berhubung dengan manamana transaksi yang dibuat melalui Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank, Bank menawarkan anda Perkhidmatan Perbankan yang berikut (jika berkenaan):-
- 30.1.1 Pertanyaan Baki
  - 30.1.2 Pembayaran Bil
  - 30.1.3 Pembayaran Semula
  - 30.1.4 Pemindahan Pihak Ketiga
  - 30.1.5 Pemindahan ke Akaun Sendiri
  - 30.1.6 Pemindahan IBG
  - 30.1.7 Pengurusan Cek dan

## TERMA & SYARAT AM

### Perbankan Mudah Alih AmBank (Untuk Pelanggan Perbankan Runcit Sahaja)

- 30.1.8 Mana-mana Perkhidmatan Perbankan baharu lain seperti yang ditawarkan oleh Bank, Kumpulan AmBank, atau subsidiarinya, sekutu, atau pihak ketiga lain dari semasa ke semasa. Dengan menggunakan Perkhidmatan Perbankan baharu ini apabila ia ditawarkan, anda bersetuju untuk terikat dengan Perjanjian ini berhubung Perkhidmatan Perbankan baharu ini setakat mana ia berkenaan.
- 30.2 Sekiranya Perkhidmatan Perbankan baharu diperkenalkan menurut Klausula 30.1.8 di atas, anda bersetuju dan mengakui bahawa dengan menggunakan Perkhidmatan Perbankan baharu tersebut anda akan terikat dengan terma dan syarat yang berkuat kuasa yang mentadbir Perkhidmatan Perbankan baharu tersebut.
- 30.3 Bagi mengelakkan keraguan dan tanpa mengira apa yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini, anda bersetuju dan mengakui bahawa Bank mempunyai hak dan budi bicara tunggal untuk menamatkan, membatalkan atau menggantung manamana atau semua Perkhidmatan Perbankan ini secara keseluruhan atau sebahagian pada bila-bila masa tanpa memberikan sebarang sebab atau penjelasan mengenainya dan tanpa mengenakan sebarang liabiliti apa pun kepada anda kerana berbuat demikian. Selain itu, Bank juga boleh menambah, menarik balik atau mengubah jenis transaksi yang mungkin ditawarkan atau dijalankan melalui Perkhidmatan Perbankan ini.
- 30.4 Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank hanya akan tersedia bagi Telefon Mudah Alih dan sambungan data yang memenuhi spesifikasi dan konfigurasi tertentu sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa, dan anda bersetuju untuk mendapatkan dan menyenggara Telefon Mudah Alih dan sambungan data yang memenuhi keperluan ini dengan perbelanjaan anda sendiri dan akan mengecualikan Bank daripada sebarang liabiliti dalam memenuhi spesifikasi dan konfigurasi yang ditetapkan.
- 30.5 Anda juga bersetuju bahawa Bank berhak pada bila-bila masa, menurut budi bicara tunggal Bank dan tanpa notis terlebih dahulu, untuk menggantung sementara operasi Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank bagi tujuan mengemas kini, menyenggara dan menaik taraf, atau apa-apa jua tujuan lain yang Bank anggap wajar, dan dalam keadaan tersebut, Bank tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kerugian, liabiliti atau ganti rugi yang mungkin dikenakan oleh kerananya.
- 30.6 Anda mengakui dan bersetuju bahawa Bank boleh, menurut budi bicara tunggal dan mutlak, tanpa notis dan dari semasa ke semasa menambah kepada, mengubah, meminda, menggantung atau mengeluarkan mana-mana bahagian atau semua Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank, atau apa-apa fungsi atau ciri Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih AmBank, tanpa memberikan sebarang sebab dan tanpa dikenakan sebarang liabiliti.

### **31. FORCE MAJEURE**

Tiada mana-mana pihak akan bertanggungjawab bagi sebarang kegagalan, kelewatan atau ketidakupayaan untuk memenuhi apa-apa obligasi yang diberikan dalam dokumen ini kerana sebab yang di luar kawalannya yang termasuk tetapi tidak terhad kepada banjir, ribut, mogok, peperangan, kebakaran, aktiviti pengganas, bencana alam, tindakan pihak berkuasa kerajaan atau epidemik ("Force Majeure"). Walau apa pun yang disebut di atas, obligasi pihak-pihak yang terlibat akan bersambung segera apabila Force Majeure tidak lagi wujud.

### **32. UNDANG-UNDANG DAN BIDANG KUASA YANG MENTADBIR**

- 32.1 Terma dan Syarat ini hendaklah ditadbir oleh dan diertikan berdasarkan undangundang Malaysia.
- 32.2 Dengan mengakses dan/atau menggunakan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih Ambank, anda dengan ini mengizinkan untuk menyerahkan bidang kuasa eksklusif mahkamah di Malaysia.

#### **SILA HUBUNGI KAMI:**

Pusat Perkhidmatan Pelanggan

No. Telefon 603-2178 8888

Alamat Surat Menyurat P.O. Box No. 12617 50784 Kuala Lumpur.

E-mel [customercare@ambankgroup.com](mailto:customercare@ambankgroup.com)

AmBank (M) Berhad (8515-D)/AmBank Islamic Berhad (295576-U)

Hakcipta Terpelihara © 2015

Kemas Kini Terakhir: 19 Jun 2015

---